

10/5/83

Mahathir alu Jepun kukuhkan hubungan

gangan Jepun yang kedua terbesar dan adalah perlu Jepun memberikan pertimbangan yang wajar membuka peluang yang lebih luas kepada barangan eksport ASEAN.

Beliau menarik perhatian bahawa kemakmuran yang dinikmati oleh ASEAN akan memberi faedah kepada Jepun dari segi ASEAN yang menjadi rakan yang lebih baik sama ada sebagai pembeli dan rakan perniagaan bagi Jepun.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, jika Jepun mengambil daya usaha dalam hal ini, lain-lain negara perindustrian yang maju di Barat akan terpaksa mengambil langkah yang sama.

Mengenai pertahanan, Perdana Menteri memberitahu Malaysia tidak menentang langkah Jepun meningkatkan keupayaannya asalkan ia

cuma untuk pertahanan negara.

Malaysia, menurutnya, percaya Jepun boleh memberi sumbangan yang lebih ke atas keselamatan rantau ini dengan membantu negara-negara ASEAN ke arah membangunkan ekonomi supaya dapat mempertahankan negara dan memastikan kestabilan rantau ini.

Perdana Menteri juga menyebut tentang perlunya keamanan, kestabilan dan keselamatan di rantau ini agar kemajuan dan pembangunan dapat diteruskan di Malaysia dan lain-lain negara ASEAN.

Bagaimanapun, jelasnya, faktor-faktor yang

penting itu sekarang terancam kerana kependudukan yang berterusan oleh Vietnam di Kampuchea.

"Keadaan di rantau ini hanya boleh dipulihkan seperti biasa selepas susukan asing di Kampuchea diundurkan sepenuhnya dan rakyatnya diberi hak menentukan nasib sendiri," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia menghargai sokongan Jepun kepada usaha ASEAN mencari penyelesaian yang cepat dan aman kepada isu Kampuchea selaras dengan persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea dan ketetapan berkaitan Bangsa-Bangsa Bersatu.